



Antarabangsa

Naib Canselor UniMAP

Diundang Sebagai Tetamu Kehormat Majlis Ulangtahun AIT Ke-40

IRELAND, 11 Februari 2011 - UniMAP telah mencatatkan satu lembaran sejarah baru di mana Y. Bhg. Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Bin Hussin, Naib Canselor UniMAP telah diundang sebagai tetamu kehormat pada majlis gilang gemilang ulangtahun ke- 40, Athlone Institute of Technology (AIT). Majlis ini telah disempurnakan oleh Presiden Ireland, Yg. Berhormat Madam Mary McAleese yang mana telah mendapat publisiti yang meluas melalui liputan akhbar 'Westmeath Independent' di mukasurat utama.

Terdahulu, pada sebelah paginya satu Memorandum Persetujuan (MoA), telah ditandatangani di antara UniMAP dan AIT dalam hal berkaitan mobiliti pelajar untuk menjalankan latihan industri di antara kedua- dua institusi. Perjanjian ini akan berkuatkuasa pada September 2011 ini selama 5 tahun. Buat julung kalinya juga hasil cetusan idea Y. Bhg. Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Bin Hussin, satu simposium antarabangsa iaitu '1st International Malaysia- Ireland Joint Symposium on Engineering, Science and Business' (MIESB 2011) akan dianjurkan oleh UniMAP dan AIT dengan kerjasama Kementerian Pangajian Tinggi (KPT), Jabatan Pelajar Malaysia di UK/Ireland (MSD) dan Persatuan Pasca- Siswazah Malaysia di Ireland (MyPSI). Simposium ini dijadualkan akan berlangsung pada 9 - 11 Jun 2011 di AIT, Ireland.

Dalam pada itu juga, rangka lawatan kerja Y. Bhg. Dato' Naib Canselor ini yang bermula pada 9 Feb 2011 telah dimulakan dengan perjumpaan bersama pihak kedutaan Malaysia di Dublin.



Turut hadir semasa sesi perjumpaan tersebut adalah wakil dari Kedutaan Malaysia di Ireland iaitu Cik Zurina Ahmad Tejuddin, Kuasa - Usaha Sementara Kedutaan dan Setiausaha, En. Mohamed Abu Bakar.

Dalam pada itu, Y.Bhg. Dato' Naib Canselor turut menghadiri sesi dialog bersama para pelajar/felopasca-siswazah UniMAP di Malaysia Hall, Dublin. Perbincangan merangkumi halatuju UniMAP dan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor turut mengalakkkan pelajar/felo pasca-siswazah UniMAP supaya menghasilkan penulisan penyelidikan dalam jurnal atau penerbitan berimpak tinggi. Penerbitan seumpamanya dapat menyumbang dalam meningkatkan prestasi universiti dan seterusnya memartabatkan UniMAP di kalangan universiti-universiti terkemuka yang lain.